

*Panduan Penulisan Tesis*  
**GAYA UKM**  
*Cetakan Ketiga*



PUSAT SISWAZAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
2015

Cetakan Pertama / *First printing*, 2009  
Hak Cipta / *Copyright* Pusat Pengurusan Siswazah, 2009

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Siswazah UKM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the UKM Graduate Centre.*

Cetakan Pertama 2009  
Cetakan Kedua 2010  
Cetakan Ketiga 2015

Elektronik: <http://www.ukm.my/pusatsiswazah>

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
*Cataloguing-in-Publication-Data*

Panduan penulisan tesis: Gaya UKM / Pusat Pengurusan Siswazah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Edisi Semak Kedua.

ISBN 978-983-2975

1. Dissertation, Academic--Handbooks, manuals, etc.
2. Academic writing -- Handbooks, manuals, etc.

I Universiti Kebangsaan Malaysia. Pusat Pengurusan Siswazah.  
808.066378

**ALUAN PENGARAH PUSAT SISWAZAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Assalaamu'alaikum wrwb dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penggubalan dan penerbitan Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM cetakan ketiga.

Saya merasa sangat bangga di atas kesungguhan dan komitmen Ahli Jawatankuasa dalam menggarap maklumat daripada pelbagai sumber sehingga berjaya menghasilkan satu panduan yang lebih tersusun dan mudah difahami.

Garis panduan ini diharap dapat membantu pelajar-pelajar pascasiswazah untuk menghasilkan penulisan tesis dengan standard yang ditetapkan. Saya juga mengharapkan supaya semua pelajar pascasiswazah dapat berusaha untuk memahami dan menghayati panduan ini. Malahan saya yakin dengan bimbingan dan kerjasama pensyarah/penyelia, panduan ini boleh digunakan sebelum memulakan penulisan tesis/disertasi/projek penyelidikan sehingga menghasilkan penulisan ilmiah yang baik dan berkualiti setanding dengan penulisan di peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya sangat mengalu-alukan sebarang cadangan untuk tujuan meningkatkan dan memperbaiki panduan ini dari semasa ke semasa.

Oktober 2015

**PROF. DR. ANDANASTUTI MUCHTAR**

Pengarah  
Pusat Siswazah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**PRAKATA**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA**  
**PANDUAN PENULISAN TESIS GAYA UKM**

Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM ini telah didasarkan kepada Panduan Menulis Tesis Gaya UKM yang telah digubal oleh satu jawatankuasa pada 1988 (lihat [Lampiran U1](#)) dan Jawatankuasa pada 2005 (lihat [Lampiran U2](#)) dan diguna pakai sejak beberapa tahun yang lalu dan kini dimurnikan kandungannya.

Pembaharuan yang dibuat kali ini ialah panduan ini akan diterbitkan dalam bentuk e-book dan boleh dicapai oleh pelajar dan penyelia melalui laman web <http://www.ukm.my/pusatsiswazah/>.

Penyediaan sesuatu penulisan akademik tidak boleh dianggap mudah kerana terdapat banyak perkara (walau sekecil mana sekalipun) yang perlu diambil kira untuk menjadikannya sesuatu yang lengkap dan memudahkan seseorang pembaca untuk menghayatinya. Sememangnya terdapat banyak cara penulisan yang diamalkan sehingga sesetengahnya dianggap sebagai konvensyen untuk sesuatu bidang tertentu, Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM bukan hanya menghayati konvensyen penulisan akademik yang diterima pakai, tetapi juga memudah dan menyeragamkannya. Setiap calon siswazah dikehendaki mematuhi panduan ini dan mengikut format yang ditetapkan.

Pada hemat saya buku panduan ini bukan hanya perlu digunakan oleh calon siswazah UKM dalam penulisan tesis/disertasi/projek mereka, tetapi juga amat berguna kepada pelajar di peringkat ijazah pertama serta seluruh ahli akademik dalam apa sahaja bentuk penulisan ilmiah demi keseragaman dalam hasil penulisan mereka.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM yang telah memberikan kerjasama yang amat membanggakan dan penuh dedikasi sepanjang penyediaan buku panduan ini (lihat [Lampiran U3](#)). Tidak lupa juga terima kasih saya kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah, UKM yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk terus mempengerusikan jawatankuasa ini sehingga buku ini disiapkan.

Oktober 2015

**PROF. DR. ISHAK AHMAD**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM  
Pusat Siswazah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ALUAN PENGARAH PUSAT SISWAZAH</b>	iii
<b>PRAKATA Pengerusi Jawatankuasa Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>BAB I      BENTUK</b>	
1.1      Kertas	1
1.1.1    Saiz	1
1.1.2    Jenis	1
1.2      Penaipan	1
1.2.1    Jenis huruf dan saiz	1
1.2.2    Penaipan tajuk	2
1.2.3    Santak teks	2
1.2.4    Selang baris	2
1.2.5    Perenggan	3
1.3      Cetakan dan Penduaan	3
1.3.1    Cetakan (Rumi)	3
1.3.2    Cetakan (Arab / Jawi)	3
1.3.3    Penduaan	3
1.4      Naskah untuk Pemeriksaan	3
1.5      Naskah Akhir	4
1.5.1    Naskah akhir dan CD-ROM untuk Universiti	4
1.5.2    Warna kulit naskah akhir tesis	4
1.6      Keterangan pada Kulit	5
1.6.1    Kulit depan	5
1.6.2    Tulang belakang	5
<b>BAB II     FORMAT</b>	
2.1      Jidar	7
2.1.1    Ukuran	7
2.2      Penomboran Halaman	8
2.2.1    Nombor halaman	8
2.2.2    Jenis nombor rumi	8
2.2.3    Jenis nombor Arab/Jawi	8

### **BAB III      SUSUNAN DAN KANDUNGAN**

3.1	Tertib	9
3.2	Halaman judul	10
3.3	Pengakuan	11
3.4	Penghargaan	11
3.5	Abstrak dan terjemahan	12
3.6	Kandungan	13
3.7	Senarai jadual	13
3.8	Senarai ilustrasi	14
3.9	Senarai simbol, singkatan, tatanama, dan istilah	14
3.10	Senarai kes	14
3.11	Senarai statut	15
3.12	Teks	15
	3.12.1 Doktor falsafah	15
	3.12.2 Sarjana	15
	3.12.3 Bahagian	15
	3.12.4 Kandungan Teks	16
	3.12.5 Penaipan Bab	16
	3.12.6 Jadual dan Ilustrasi	17
	3.12.7 Petikan	18
3.13	Rujukan	18
3.14	Lampiran	19

### **BAB IV      RUJUKAN DALAM TEKS**

4.1	Pendahuluan	20
4.2	Sistem Pengarang-Tarikh	20
	4.2.1 Pengarang tunggal	21
	4.2.2 Pengarang bersama	22
	4.2.3 Institusi / Organisasi / Jawatankuasa sebagai pengarang	22
	4.2.4 Tanpa pengarang	23
	4.2.5 Pengarang sama nama	23
	4.2.6 Multirujukan	23
	4.2.7 Rujukan kepada Al-Quran dan al-Hadith	24
	4.2.8 Contoh Manual Perisian	24
	4.2.9 Contoh perisian	24
4.3	Sistem Catatan Bawah	25
	4.3.1 Cara penomboran catatan bawah	25
	4.3.2 Pembutiran catatan bawah	25
	4.3.3 Cara menulis catatan bawah	26

4.3.4	Cara menulis maklumat dan rujukan dalam catatan bawah	26
4.3.5	Rujukan kepada Al-Quran	27
4.3.6	Rujukan kepada al-Hadith	28
<b>BAB V</b>	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	
5.1	Pendahuluan	29
	5.1.1 Bahasa bahan rujukan	29
	5.1.2 Transliterasi	30
	5.1.3 Penulisan Nama Pengarang	30
	5.1.4 Penulisan Judul Bahan Rujukan	33
5.2	Tertib Rujukan	34
5.3	Cara menulis Rujukan yang Lengkap untuk Buku	36
	5.3.1 Edisi baru dan cetak ulang [Ed. = Edisi]	38
	5.3.2 Karya yang dikenali menurut judul	38
	5.3.3 Rujukan kepada al-Hadith ditulis menurut pengumpul Al-Hadith	38
	5.3.4 Karya susunan [pnys. = penyusun]	38
	5.3.5 Karya suntingan [pnyt. = penyunting]	39
	5.3.6 Selenggaraan [pngr. = penyelenggara]	39
	5.3.7 Berbilang jilid [Jil. = Jilid yang dirujuk]	39
	5.3.8 Terjemahan [Terj. = Terjemahan]	39
	5.3.9 Nama samaran	40
	5.3.10 Monograf	40
	5.3.11 Bab dalam buku [Dlm. = Dalam]	40
	5.3.12 Karya tanpa tarikh (t.th.) / tanpa tempat (t.tp.) / tanpa penerbit (t.pt.)	41
5.4	Dokumen Awam	41
5.5	Makalah dalam Jurnal	45
	5.5.1 Pengarang tunggal	45
	5.5.2 Pengarang bersama	45
	5.5.3 Judul jurnal yang diringkaskan	46
5.6	Makalah dalam Prosiding	46
5.7	Makalah dalam Majalah / Buletin	46
5.8	Makalah, Berita dalam Akhbar / Surat kepada Pengarang	47
	5.8.1 Makalah dengan nama pengarang / penulis	47
	5.8.2 Makalah tanpa pengarang / penulis	47
5.9	Berita dalam Akhbar	47
	5.9.1 Berita / rencana dengan nama penulis	47
	5.9.2 Berita / rencana tanpa nama penulis	48
	5.9.3 Surat kepada editor	48
5.10	Rujukan Umum Akhbar	48

5.11	Filem, Video dan Slaid	48
	5.11.1 Filem	48
	5.11.2 Video	49
	5.11.3 Slaid	49
	5.11.4 Lagu dan karya berbentuk muzik	49
5.12	Bahan tidak Terbit	49
	5.12.1 Tesis atau latihan ilmiah	50
	5.12.2 Manuskrip asal	50
	5.12.3 Kertas Kerja, Abstrak Persidangan dan Sebagainya	50
	5.12.4 Laporan teknik	51
	5.12.5 Mesyuarat: Kertas kerja, laporan dan minit mesyuarat	51
	5.12.6 Temu bual	51
	5.12.7 Manual perisian	52
	5.12.8 Perisian	52
5.13	Bahan Rujukan Elektronik	52
5.14	Rujukan Undang-undang	53
	5.14.1 Rujukan Kes	53
	5.14.2 Perundangan	57

## **LAMPIRAN**

A1	Contoh penulisan kulit hadapan (untuk tesis yang ditulis dalam Bahasa Malaysia / Inggeris. Times New Roman, 18 poin)	60
A2	Contoh penulisan kulit hadapan (untuk tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab. Times New Roman, 18 poin)	61
B	Singkatan nama ijazah dalam Bahasa Melayu	62
C1	Contoh penulisan tulang belakang (bagi tesis yang tebalnya melebihi 25mm)	64
C2	Contoh penulisan tulang belakang (bagi tesis yang tebalnya tidak melebihi 25mm)	65
C3	Contoh penulisan tulang belakang (bagi tesis yang disediakan lebih daripada satu jilid)	66
D1	Contoh halaman judul (halaman ini hendaklah menggunakan saiz huruf 12 Point)	67
D2	Contoh halaman judul (halaman ini hendaklah menggunakan saiz huruf 12 poin)	68
D3	Contoh halaman judul (bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris) (halaman ini hendaklah menggunakan saiz huruf 12 poin)	69



D4	Contoh halaman judul (terjemahan halaman judul bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris) (halaman ini hendaklah menggunakan saiz huruf 12 poin)	70
E1	Contoh pengakuan (bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu)	71
E2	Contoh pengakuan (bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris)	72
E3	Contoh pengakuan (bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab)	73
F	Penghargaan	74
G1	Contoh abstrak (abstrak tesis dalam Bahasa Melayu hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	75
G2	Contoh abstrak (terjemahan abstrak Bahasa Inggeris bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	76
G3	Contoh abstrak (abstrak tesis dalam Bahasa Inggeris hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	77
G4	Contoh terjemahan abstrak (terjemahan abstrak Bahasa Melayu bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	78
G5	Contoh abstrak (abstrak tesis dalam Bahasa Arab)	79
G6	Contoh abstrak (terjemahan abstrak Bahasa Melayu bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	80
G7	Contoh abstrak (terjemahan abstrak Bahasa Inggeris bagi tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab hendaklah menggunakan huruf bersaiz 12)	81
H	Contoh format kandungan	82
I	Contoh senarai jadual	87
J	Contoh senarai ilustrasi	88
K1	Contoh simbol	89
K2	Senarai singkatan	90
K3	Senarai tatanama	93
K4	Senarai istilah	94

L	Senarai kes (halaman ini hendaklah menggunakan saiz huruf 12 poin)	95
M	Senarai statut	96
N	Bab	97
O	Contoh halaman memulakan bab dan isi	98
P1	Contoh jadual bentuk menegak	99
P2	Contoh jadual bentuk melintang	100
P3	Contoh jadual bersambung	101
Q1	Contoh rajah bentuk menegak	104
Q2	Contoh rajah bentuk melintang	105
Q3	Contoh rajah bersambung	106
R1	Contoh petikan yang disisip	108
R2	Contoh petikan yang melebihi 40 patah perkataan	109
R3	Contoh petikan bahasa asing	110
S	Jadual transliterasi	111
T	Panduan umum penggunaan unit, singkatan, nombor dan simbol	114
U1	Senarai ahli jawatankuasa panduan penulisan tesis Gaya UKM (1998)	119
U2	Senarai ahli jawatankuasa panduan penulisan tesis Gaya UKM (2005)	121
U3	Senarai ahli jawatankuasa panduan penulisan tesis Gaya UKM (2015)	123

## **BAB I**

### **BENTUK**

#### **1.1 KERTAS**

##### **1.1.1 Saiz**

A4 (210 mm x 297 mm) (semasa merepang, jangan lebih daripada 2 mm).

##### **1.1.2 Jenis**

Salinan pertama hendaklah menggunakan kertas jenis simili dengan berat sekurang-kurangnya 80 gsm. Bagi salinan berikutnya, kertas fotostat atau ofset yang baik mutunya sahaja dibenarkan.

#### **1.2 PENAIPAN**

##### **1.2.1 Jenis huruf dan saiz**

Calon hendaklah menggunakan huruf Times New Roman pada keseluruhan tesis. Saiz huruf bagi tulisan Rumi yang dibenarkan ialah 12 poin. Saiz huruf bagi tulisan Arab / Jawi yang dibenarkan ialah 16 poin (Traditional Arabic).

### 1.2.2 Penaipan tajuk

Semua tajuk (kecuali subtajuk) hendaklah ditaip dengan HURUF BESAR **tebal** di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan. Selain itu calon hendaklah mematuhi arahan menaip tajuk-tajuk tersebut mengikut jarak dari jidar atas. Saiz huruf untuk semua tajuk dan subtajuk ialah 11 poin.

### 1.2.3 Santak teks

Teks hendaklah ditaip santak kiri dan kanan.

### 1.2.4 Selang baris

Teks am manuskrip hendaklah ditaip selang satu setengah baris. Bagi memulakan perenggan baru, baris pertama hendaklah ditaip selang satu baris di bawah ayat terakhir perenggan sebelumnya. Teks bagi perkara berikut hendaklah ditaip selang satu baris.

- a. Pengakuan
- b. Penghargaan
- c. Abstrak
- d. Abstract
- e. Kandungan
- f. Senarai Jadual dan Ilustrasi
- g. Catatan bawah
- h. Catatan hujung
- i. Rujukan

### **1.2.5 Perenggan**

Perenggan yang pertama bagi setiap tajuk hendaklah dimulakan santak kiri bagi tulisan Rumi dan santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi. Ensotan bagi memulakan perenggan seterusnya ialah **12.7 mm** dari jidar kiri (tulisan Rumi) dan jidar kanan (tulisan Arab/Jawi).

## **1.3 CETAKAN DAN PENDUAAN**

### **1.3.1 Cetakan (Rumi)**

Cetak pada sebelah halaman sahaja dan halaman ini hendaklah diletak di sebelah kanan.

### **1.3.2 Cetakan (Arab / Jawi)**

Cetak pada sebelah halaman sahaja dan halaman ini hendaklah diletak di sebelah kiri.

### **1.3.3 Penduaan**

Hasil penduaan yang baik mutunya sahaja (sekurang-kurangnya 600 dpi) yang akan diterima.

## **1.4 NASKAH UNTUK PEMERIKSAAN**

Calon hendaklah menyerahkan tesis yang berjilid (kulit keras) mengikut bilangan yang ditetapkan, iaitu tujuh (7) salinan kepada Fakulti / Institut / Pusat yang merangkumi:

- a. 1 salinan untuk Pemeriksa Luar (jika berkaitan)
- b. 1 salinan untuk Pemeriksa Dalam (jika berkaitan)
- c. 1 salinan untuk Pengerusi Peperiksaan Lisan
- d. 1 salinan untuk Dekan Fakulti

- e. 1 salinan untuk Pengerusi Pusat
- f. 1 salinan untuk Penyelia, dan
- g. 1 salinan setiap satu untuk Penyelia Bersama atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan jika berkaitan.

## 1.5 NASKAH AKHIR

### 1.5.1 Naskah akhir dan CD-ROM untuk Universiti

Calon hendaklah menyerahkan tesis yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dan berjilid kemas (kulit keras) mengikut bilangan yang ditetapkan oleh Pusat Siswazah / Fakulti / Institut, iaitu:

- a. Dua (2) salinan tesis termasuk naskah asal bersama CD-ROM hendaklah diserahkan kepada PPS.
- b. Bilangan naskah tesis kepada PPS/Fakulti/Institut adalah berdasarkan bilangan penyelia atau bilangan ahli Jawatankuasa Siswazah. Tesis tersebut hendaklah diserahkan sendiri oleh calon kepada PPS / Fakulti / Institut.

### 1.5.2 Warna kulit naskah akhir tesis

Warna kulit hendaklah seperti yang berikut:

Diploma Siswazah	-	Hitam
Sarjana dan Sarjana Lanjutan	-	Merah tua
Doktor Falsafah	}	- Biru tua
Doktor Kesihatan Masyarakat		
Doktor Pentadbiran Perniagaan		
Doktor Persuratan		
Kedoktoran Sains Perubatan		

## **1.6 KETERANGAN PADA KULIT**

### **1.6.1 Kulit depan**

Maklumat hendaklah dicetak dengan HURUF BESAR berwarna emas berukuran 18 poin bagi semua tesis dan mengikut susunan seperti berikut:

#### **Tajuk tesis**

Disusun dalam bentuk piramid terbalik - 60 mm dari birai atas

#### **Nama penuh calon**

Seperti dalam kad pengenalan/pasport

#### **UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Nama Universiti - 60 mm dari birai bawah

(Contoh - LAMPIRAN A1 dan A2)

### **1.6.2 Tulang belakang**

Maklumat pada tulang belakang hendaklah dicetak dengan HURUF BESAR berwarna emas berukuran 18 poin mengikut susunan seperti berikut:

#### **Nama penulis**

Ditaip 60 mm dari birai atas

#### **Ijazah**

Singkatan ijazah dalam Bahasa Melayu

(Lihat LAMPIRAN B)

#### **Tahun tesis diserahkan**

## **UKM**

Singkatan nama Universiti ditaip 60 mm dari birai bawah

(Contoh - LAMPIRAN C1 dan C2)

Bagi tesis yang disediakan lebih daripada satu jilid, perkataan JILID I, JILID II dan sebagainya hendaklah dicetak melintang di tengah-tengah tulang belakang.

(Contoh - LAMPIRAN C3)



## BAB II

### FORMAT

#### 2.1 JIDAR

##### 2.1.1 Ukuran

Jidar atas	:	30 mm dari birai atas
Jidar kanan	:	25 mm dari birai kanan
Jidar kiri	:	38 mm dari birai kiri
Jidar bawah	:	25 mm dari birai bawah

##### Peringatan

- a. Semua permulaan tajuk bab kecuali rujukan dan lampiran hendaklah ditaip 50 mm dari birai atas.
- b. Ruang letak jadual dan ilustrasi termasuk keterangan, mestilah mengikut keperluan 2.1.1.
- c. Perenggan terakhir dalam sesuatu halaman hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya **dua baris** teks bercetak. Jika kurang daripada dua baris, teks tersebut hendaklah dipindahkan ke halaman berikutnya sebagai perenggan baru.
- d. Perkataan terakhir pada baris terakhir sesuatu halaman tidak boleh menggunakan tanda sempang.
- e. Sesuatu halaman baru hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya satu baris teks.

## 2.2 PENOMBORAN HALAMAN

### 2.2.1 Nombor halaman

Nombor halaman hendaklah berada di sudut atas sebelah kanan bagi tulisan Rumi dan sebelah kiri bagi tulisan Arab / Jawi dan 15 mm dari birai atas serta 25 mm dari birai kanan bagi digit terakhir nombor berkenaan. Gunakan jenis huruf yang sama seperti huruf teks tanpa hiasan.

### 2.2.2 Jenis nombor rumi

Halaman permulaan (bermula dari halaman judul) hendaklah dinomborkan dengan angka kecil Roman secara berturut-turut: i, ii, iii dan seterusnya. Nombor halaman teks hendaklah menggunakan angka 1, 2, 3, dan seterusnya.

Bagi pecahan subtajuk, hanya sehingga dua titik perpuluhan sahaja. Subtajuk seterusnya menggunakan abjad (a, b, c) dan subtajuk di bawahnya menggunakan angka.

### 2.2.3 Jenis nombor Arab/Jawi

Halaman permulaan (bermula dari halaman judul) hendaklah dinomborkan dengan menggunakan abjad Arab... ا, ب, خ, د.

Nombor halaman teks hendaklah menggunakan..... ١, ٢, ٣.

### Peringatan

- a. Halaman permulaan (halaman judul) dianggap sebagai halaman "i" tetapi nombornya tidak dicetak.
- b. Halaman permulaan teks dianggap sebagai halaman "1" tetapi nombornya tidak dicetak.

Halaman pertama setiap permulaan bahagian atau bab, tidak ditulis nombor halamannya tetapi diambil kira bagi menomborkan halaman berikutnya.

## **BAB III**

### **SUSUNAN DAN KANDUNGAN**

#### **3.1 TERTIB**

Susunan dan kandungan tesis hendaklah mengikut tertib seperti yang berikut:

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT (Terjemahan Abstrak)

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI ILUSTRASI

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

SENARAI KES

SENARAI STATUT

TEKS

RUJUKAN

LAMPIRAN

### 3.2 HALAMAN JUDUL

Tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah mengandungi HALAMAN JUDUL dalam Bahasa Melayu sahaja.

Tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris pula hendaklah mengandungi HALAMAN JUDUL dalam Bahasa Inggeris dan diikuti dengan terjemahan HALAMAN JUDUL dalam Bahasa Melayu.

Manakala tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab hendaklah mengandungi HALAMAN JUDUL dalam Bahasa Arab dan diikuti dengan terjemahan HALAMAN JUDUL dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Halaman ini hendaklah mengandungi maklumat yang ditaip selang satu baris menggunakan HURUF BESAR dan mengikut susunan seperti yang berikut:

#### **Judul tesis**

Judul tesis hendaklah ditaip dalam bentuk piramid terbalik - 60 mm dari birai atas.

#### **Nama penuh calon**

Nama penuh calon hendaklah ditaip seperti dalam kad pengenalan/pasport.

#### **Tujuan tesis dikemukakan**

Calon hendaklah menaip satu daripada ungkapan berikut, mana-mana yang berkaitan, dengan menyatakan nama ijazah yang berkenaan.

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH

.....

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH

.....

**Nama Fakulti / Institut / Pusat**

Nama Fakulti/Institut/Pusat yang mengurniakan ijazah.

**Nama Universiti**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**Nama kampus tempat calon berdaftar**

Calon hendaklah menaip satu daripada yang berikut: BANGI atau KUALA LUMPUR.

**Tahun penyerahan naskah akhir tesis kepada Universiti**

Tahun penyerahan hendaklah ditaip selang dua baris selepas nama kampus dan 40 mm dari birai bawah.

(Contoh - LAMPIRAN D1, D2, D3, dan D4)

### **3.3 PENGAKUAN**

Pengakuan hendaklah dimulakan pada halaman baru selepas halaman judul, dan ditaip di tengah-tengah halaman tersebut.

(Contoh – LAMPIRAN E1 dan E2)

### **3.4 PENGHARGAAN**

Perkataan PENGHARGAAN dan teksnya hendaklah ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Penghargaan kepada sebarang bantuan yang telah diberi oleh orang perseorangan atau pertubuhan dalam penyediaan tesis calon hendaklah dirakamkan.

Dedikasi tidak dibenarkan dan teks penghargaan ini tidak melebihi satu halaman. Kandungan penghargaan adalah kepada:

1. Tuhan
2. Penyelia dan penyelia bersama
3. Fakulti / Institut / Pusat Pengajian / Jabatan bagi kemudahan penyelidikan

4. Sumber kewangan
5. Umum.

(Contoh – LAMPIRAN F)

### **3.5 ABSTRAK DAN TERJEMAHAN**

Abstrak dan terjemahannya hendaklah ditaip dalam satu perenggan, selang satu baris pada halaman berasingan dan dimulakan pada halaman baru selepas halaman penghargaan. Perkataan ABSTRAK hendaklah ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Panjang abstrak hendaklah antara 200 hingga 350 patah perkataan. Abstrak hendaklah merangkumi maklumat berikut:

- a. Permasalahan/Persoalan kajian
- b. Tujuan kajian
- c. Kawasan kajian (sekiranya berkaitan)
- d. Perkaedahan kajian
- e. Hasil kajian (Penemuan baru seperti teori, istilah, teknologi, tafsiran, produk, atau penilaian yang dinyatakan dengan tepat)
- f. Sumbangan terhadap bidang ilmu
- g. Implikasi kepada Dasar (jika berkaitan)

Abstrak tidak boleh mengandungi maklumat berikut:

- a. Tambahan, pembetulan, atau sebarang maklumat yang tidak terdapat di dalam tesis
- b. Jadual, ilustrasi dan rujukan langsung kepadanya
- c. Pemerihalan terperinci tentang eksperimen, organisma, kaedah piawai, teknik dan alat
- d. Rujukan dan sorotan susastera / karya

Tesis dalam Bahasa Melayu, abstraknya hendaklah dalam Bahasa Melayu dan diikuti dengan terjemahannya dalam Bahasa Inggeris beserta judul yang diterjemahkan.

(Contoh - LAMPIRAN G1 dan G2)

Tesis dalam Bahasa Inggeris, abstraknya hendaklah didahului dengan terjemahan abstrak dalam Bahasa Melayu (tanpa judul) dan diikuti dengan abstrak dalam Bahasa Inggeris (tanpa judul). Terjemahan abstrak hendaklah tidak melebihi 350 patah perkataan.

(Contoh - LAMPIRAN G3 dan G4)

Tesis dalam Bahasa Arab, abstraknya hendaklah didahului dengan terjemahan abstrak dalam Bahasa Melayu (tanpa judul) dan diikuti dengan abstrak dalam Bahasa Arab (tanpa judul) dan abstrak dalam Bahasa Inggeris (tanpa judul). Terjemahan abstrak hendaklah tidak melebihi 350 patah perkataan.

(Contoh - LAMPIRAN G5, G6 dan G7)

### **3.6 KANDUNGAN**

Senarai kandungan hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan KANDUNGAN ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas.

(Contoh - LAMPIRAN H)

### **3.7 SENARAI JADUAL**

Senarai jadual hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan SENARAI JADUAL ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Senarai ini hendaklah mengandungi tajuk jadual seperti di dalam tesis. Jadual hendaklah dinomborkan mengikut bab.

(Contoh - LAMPIRAN I)

### **3.8 SENARAI ILUSTRASI**

Senarai ilustrasi hendaklah dimulakan pada halaman baru dengan perkataan SENARAI ILUSTRASI ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas dan hendaklah mengandungi senarai tajuk rajah (peta, graf, carta, rajah, Alkhuwarizmi/algorithm dan sebagainya) dan gambar (foto, slaid, mikrograf, grafik, animasi, lukisan dan sebagainya). Tajuk berkenaan hendaklah seperti yang terdapat di dalam tesis. Senarai ilustrasi hendaklah dinomborkan mengikut bab.

(Contoh - LAMPIRAN J)

### **3.9 SENARAI SIMBOL, SINGKATAN, TATANAMA, DAN ISTILAH**

Simbol ialah suatu ringkasan sistematik yang mewakili sesuatu nilai / hubungan / kesatuan / persetujuan. Ia selalunya digunakan dalam penulisan berkaitan sesuatu bidang untuk menunjukkan sesuatu operasi, kuantiti, unsur atau kualiti. Simbol termasuklah simbol matematik / statistik, tatanama, unit dan ikon teknologi maklumat.

Senarai simbol, singkatan, tatanama dan istilah hendaklah dimulakan pada halaman baru selepas halaman senarai ilustrasi. Susunannya hendaklah mengikut urutan abjad.

(Contoh - LAMPIRAN K1, K2, K3 dan T)

### **3.10 SENARAI KES**

SENARAI KES hendaklah ditaip pada halaman baru, santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Senarai kes disusun mengikut urutan abjad.

(Contoh - LAMPIRAN L)



### **3.11 SENARAI STATUT**

SENARAI STATUT hendaklah ditaip pada halaman baru, santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Senarai statut disusun mengikut urutan abjad. Asingkan antara statut Malaysia dengan statut negara lain.

(Contoh - LAMPIRAN M)

### **3.12 TEKS**

#### **3.12.1 Doktor falsafah**

Panjang teks tesis hendaklah tidak melebihi 100,000 patah perkataan atau tidak melebihi 400 halaman.

#### **3.12.2 Sarjana**

Panjang teks tesis hendaklah tidak melebihi 60,000 patah perkataan atau tidak melebihi 250 halaman. Panjang teks disertasi dengan kerja kursus tidak melebihi 30,000 patah perkataan atau tidak melebihi 130 halaman.

Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, rumus, jadual dan ilustrasi.

#### **3.12.3 Bahagian**

Sesebuah tesis tidak perlu dipecahkan kepada bahagian kecuali dalam keadaan tertentu. Sekiranya dipecahkan kepada bahagian, setiap bahagian hendaklah dimulakan pada halaman baru.

Perkataan BAB hendaklah ditaip 50 mm dari birai atas dan di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan. Tajuk kecil atau isi bahagian hendaklah

dimulakan 2 langkau di bawah perkataan BAHAGIAN ..., dan hendaklah memenuhi keperluan jidar.

(Contoh - LAMPIRAN N)

#### **3.12.4 Kandungan Teks**

Teks hendaklah dimulakan dengan BAB I, iaitu PENDAHULUAN. Bab ini terdiri daripada pengenalan, permasalahan/persoalan kajian, tujuan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

BAB II, iaitu ULASAN KEPUSTAKAAN adalah kupasan kepada bahan bacaan berkaitan dengan permasalahan/persoalan kajian.

Lazimnya, BAB III ialah KAEDAH KAJIAN, iaitu tatacara menjalankan kajian dengan mengambil kira bahan, alat, instrumentasi, persampelan dan lain-lain yang berkaitan bidang kajian. Bab ini juga perlu memasukkan cara penganalisan data.

Penulisan bab seterusnya hendaklah dikembangkan mengikut kerangka kajian. Antaranya ialah analisis, dapatan kajian, perbincangan, sumbangan, rumusan dan implikasi.

(Contoh – LAMPIRAN O)

#### **3.12.5 Penaipan Bab**

BAB I hendaklah ditaip 50 mm dari birai atas dan di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan.

Tajuk bab hendaklah dimulakan selang tiga baris di bawah perkataan BAB I, dan terletak di tengah-tengah antara jidar kiri dengan jidar kanan.

Subtajuk atau kandungan bab dimulakan selang dua baris di bawah tajuk bab dan hendaklah memenuhi keperluan jidar.

Penomboran subtajuk sehingga 2 tempat perpuluhan sahaja (sehingga tahap ketiga sahaja). Penomboran bagi subtajuk selanjutnya hendaklah dimulakan dengan a,b,c... bagi tahap keempat, i,ii,iii... bagi tahap kelima dan tiada penomboran bagi tahap selanjutnya. Penomboran subtajuk yang dimuatkan di kandungan adalah sehingga tahap ketiga sahaja.

### **3.12.6 Jadual dan Ilustrasi**

Sekiranya sesebuah tesis memerlukan jadual dan ilustrasi, panduan berikut hendaklah dipatuhi.

#### **a Jadual**

Tajuk jadual hendaklah ditaip **di atas** jadual. Sekiranya kedudukan sesuatu jadual itu melintang, bahagian atasnya hendaklah terletak di sebelah tulang belakang tesis. Jadual hendaklah dinomborkan mengikut bab. Saiz huruf untuk semua tajuk dan kandungan jadual ialah 10 poin.

(Contoh - LAMPIRAN P1, P2 dan P3)

#### **b Ilustrasi**

Tajuk ilustrasi hendaklah ditaip **di bawah** ilustrasi. Sekiranya kedudukan sesuatu ilustrasi itu melintang, bahagian atasnya hendaklah terletak di sebelah tulang belakang tesis. Ilustrasi hendaklah dinomborkan mengikut bab. Saiz huruf untuk semua tajuk dan kandungan ilustrasi ialah 10 poin.

(Contoh - LAMPIRAN Q1, Q2 dan Q3)

Penjelasan Jadual dan Ilustrasi dalam teks hendaklah mendahului Jadual dan Ilustrasi tersebut.

Contoh:

...seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2.

Jadual 5.1 menunjukkan bilangan...

### 3.12.7 Petikan

- i. Petikan yang disisip di dalam ayat hendaklah tidak melebihi 40 patah perkataan dan mesti dimulai dan diakhiri dengan tanda petik "...".
- ii. Petikan yang melebihi 40 patah perkataan hendaklah ditaip berasingan pada perenggan yang baru satu setengah langkau dengan ensotan tanpa tanda petik.
- iii. Petikan bahasa asing (selain bahasa teks) hendaklah ditaip dengan huruf condong.

(Contoh - LAMPIRAN R1, R2 dan R3)

### 3.13 RUJUKAN

Rujukan hendaklah dimulakan pada halaman yang baru dengan perkataan RUJUKAN ditaip santak tengah 30 mm dari birai atas. Bahagian ini hendaklah mengandungi senarai bahan yang dirujuk di dalam teks sahaja.

Penyenaraian bahan adalah mengikut **Sistem Pengarang-Tarikh Gaya UKM**. Semua bahan rujukan hendaklah disusun mengikut abjad. Rujukan dalam Bahasa Arab/Jawi hendaklah disusun mengikut aksara Arab.

Tajuk buku atau jurnal hendaklah ditaip dengan huruf condong. Huruf Pertama bagi setiap perkataan judul buku atau jurnal hendaklah dimulakan dengan huruf besar kecuali kata sendi.

### **3.14 LAMPIRAN**

- i. Lampiran hendaklah disusun sebagai LAMPIRAN A, LAMPIRAN B dan seterusnya. Perkataan LAMPIRAN A hendaklah ditaip santak tengah dan 30 mm dari birai atas. Lampiran hendaklah diberi tajuk.
- ii. Tajuk lampiran dalam senarai kandungan hendaklah sama dengan tajuk lampiran tersebut.
- iii. Bahan yang boleh dimasukkan dalam lampiran terdiri daripada glosari, data kajian, jadual, soal-selidik, dan sebagainya yang tidak diperlukan secara langsung bagi menjelaskan perkara yang dibincangkan dalam teks.

#### **Nota :**

Penulisan tesis dalam bidang Pengajian Islam sekiranya memerlukan transliterasi sila rujuk pada LAMPIRAN S.

## BAB IV

### RUJUKAN DALAM TEKS

#### 4.1 PENDAHULUAN

Penulisan rujukan dalam teks memberi kemudahan kepada penulis dan pembaca untuk mengetahui sumber dan mendapatkan maklumat mengenainya.

Calon hendaklah menggunakan sistem pengarang-tarikh secara berterusan dalam penulisannya.

#### 4.2 SISTEM PENGARANG-TARIKH

Bentuk asas rujukan dalam teks yang menggunakan sistem pengarang-tarikh Gaya UKM hendaklah mengandungi nama **pengarang** dan **tarikh** seperti berikut:

Hawkings (2012) atau (Hawkings 2012)

Mohd. Fuad (2010) atau (Mohd. Fuad 2010)

- a. Nama pengarang yang menggunakan nama keluarga, hendaklah diringkaskan kepada nama keluarga sahaja tanpa parap (*initials*).
- b. Nama pengarang Arab hendaklah ditulis mengikut nama keluarga atau nama yang dikenali.

- c. Nama pengarang Melayu hendaklah menggunakan nama diri pengarang. Nama pengarang Cina hendaklah menggunakan nama keluarga.

Contoh

- i. Makalah Noor Azlan Ghazali yang diterbitkan pada tahun 2012 hendaklah dirujuk sebagai:

Noor Azlan (2012) atau Noor Azlan Ghazali (2012)

- ii. Makalah Chan Ngai Weng yang diterbitkan pada tahun 2011 hendaklah dirujuk sebagai:

Chan (2011) atau Chan Ngai Weng (2011)

#### **4.2.1 Pengarang tunggal**

Nama pengarang diikuti dengan tahun penerbitan, ditulis di dalam teks pada tempat yang berkenaan:

- i. Reid (2012) membuktikan ...

(Jika nama pengarang merupakan sebahagian daripada pemerihalan, nyatakan tahun penerbitan dalam tanda kurung)

- ii. ... seperti yang dikaji oleh Romlah (2009)

(Jika nama pengarang merupakan sebahagian daripada pemerihalan, nyatakan tahun penerbitan dalam tanda kurung)

- iii. Dalam kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran matematik (Shaharir 2010) ...

(Jika nama pengarang bukan merupakan sebahagian daripada pemerihalan, tuliskan nama pengarang dan tahun, tanpa koma, dalam tanda kurung)

- iv. Dalam tahun 2012, Lokman mengkaji ...

(Apabila nama pengarang dan tahun adalah sebahagian daripada bahan perbincangan, tanda kurung tidak diperlukan)

- v. Dalam kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran matematik, Shahrir (2010) memberi pandangan ... Shahrir juga menyatakan ...

(Dalam satu perenggan, tahun tidak perlu dinyatakan dalam rujukan seterusnya, selagi kajian itu tidak diselangi dengan kajian lain yang dirujuk dalam penulisan itu)

#### **4.2.2 Pengarang bersama**

- a. Untuk rujukan yang pengarangnya dua atau tiga orang, nyatakan kedua-dua nama pengarang itu setiap kali dirujuk di dalam teks:

- i. ... Abdul Razak dan Abu Osman (2009) telah memberi takrif ...
- ii. ... seperti yang telah dibuktikan (Abdul Rahman & Arsmah 2009)
- iii. Baharudin, Abdullah Marwi dan Hidayatul (2012) telah mentakrifkan lalat sinantropi sebagai ...

- b. Untuk rujukan yang pengarangnya lebih daripada tiga orang, tulis nama pengarang pertama sahaja diikuti dengan "et al." dan tahun.

- i. Shafaratul et al. (2011) menerangkan secara terperinci tentang...
- ii. ... telah menurunkan kerosakan DNA Oksidatif (Siti Balkis et al. 2011)

#### **4.2.3 Institusi / Organisasi / Jawatankuasa sebagai pengarang**

Rujukan daripada Institusi/Organisasi/Jawatankuasa hendaklah ditulis seperti contoh berikut:

- a. (International Labour Office 2010) atau International Labour Office (2010)



- b. (Jabatan Standard Malaysia 2011) atau Jabatan Standard Malaysia (2011)
- c. Menurut Institute of Quality Assurance (2012) ...
- d. Contoh nama pengarang institusi (seperti persatuan, agensi kerajaan) yang boleh disingkatkan:
  - i. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP 2011)
  - ii. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (JKKPN 2010)

#### **4.2.4 Tanpa pengarang**

Rujukan daripada pengarang yang tidak diketahui hendaklah ditulis seperti berikut:

Anon. (2012) atau (Anon. 2012)

#### **4.2.5 Pengarang sama nama**

Jika senarai rujukan merangkumi penerbitan oleh dua orang atau lebih yang namanya sama, masukkan nama penuh atau parap pengarang-pengarang itu di dalam setiap rujukan teks untuk mengelakkan kekeliruan.

Khalid Ahmad (2010) dan Khalid Yusoff (2010) ...

#### **4.2.6 Multirujukan**

Dua rujukan atau lebih yang ditulis bersama dipisahkan dengan tanda koma bertitik dan susunan rujukan itu hendaklah ditulis mengikut urutan abjad:

(Abdul Samad 2011; Azahan 2011; Jamaluddin 2010; Kadir 2012)

Untuk lebih daripada satu rujukan oleh pengarang yang sama, tahunnya dipisahkan dengan tanda koma.

(Jamaluddin 2007, 2009, 2012)

Rujukan pengarang yang sama, dalam tahun penerbitan yang sama disusun mengikut urutan.

(Sham 2010a, 2010b)

#### **4.2.7 Rujukan kepada Al-Quran dan al-Hadith**

(Al-Quran, nama dan nombor surah, nombor ayat)

Rujukan pada hadith boleh diterangkan pada nota kaki.

(al-Bukhari, nama kitab hadith, nama kitab dan nama bab)

#### **4.2.8 Contoh Manual Perisian**

(ADAMS/Flex 2012)

(MSC.Nastran 2011)

#### **4.2.9 Contoh perisian**

(ABAQUS / EXPLICIT 2009)

(MATLAB 2008)

### **4.3 SISTEM CATATAN BAWAH**

Catatan bawah adalah nota yang ditaip di bahagian bawah sesuatu halaman yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada halaman yang berkenaan. Sistem catatan bawah ini juga digunakan untuk memberi sumber rujukan.

#### **4.3.1 Cara penomboran catatan bawah**

- a. Penomboran menggunakan nombor superskrip pada tempat yang berkenaan dalam sesuatu halaman teks.
- b. Gunakan nombor superskrip yang sama di bahagian bawah halaman itu beserta catatan atau maklumat tambahan.
- c. Panjang garis pemisah antara teks dengan catatan bawah hendaklah tidak kurang daripada 40mm.
- d. Nombor yang digunakan hendaklah berturutan bermula dengan nombor 1 bagi setiap bab.

#### **4.3.2 Pembutiran catatan bawah**

Berikan maklumat yang lengkap.

\*Nama pengarang diikuti koma

Tahun diikuti koma

Halaman diikuti noktah

\* Rujuk 5.1.3 untuk tertib penulisan pengarang.

Contoh:

... Mungkin juga budaya tradisional yang telah menjadi darah daging kepada anggota-anggota di dalam sesebuah masyarakat itu tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya moden itu.<sup>1</sup> ...

---

<sup>1</sup> Mohd. Taib Osman, 1983, hlm. 9.

Contoh:

Keengganan Gabenor Fullerton berkongsi kapal dengan Claridge menyebabkan perhubungan mereka menjadi tegang.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup>J.M.N. Kyshe, *Cases heard and determined in His Majesty's Supreme court of the Straits Settlements 1804-1894, Singapore*, 1885, pp. xiii; SSR (IOR), Vol. 124, Minute by Fullerton on the financial State of Penang, Singapore and Melacca, 22 August 1828; SSR (Singapore National Library), A64, Minute by Fullerton laid before Council of Penang, 17 March 1829, pp. 17-19; PP, House of Common, No. 4 of 1852-1853, Vol. LXI, pp. 3-7.

### 4.3.3 Cara menulis catatan bawah

- a. Saiz huruf yang dibenarkan ialah 10 poin.
- b. Catatan bawah hendaklah ditaip selang satu langkau.

### 4.3.4 Cara menulis maklumat dan rujukan dalam catatan bawah

**Penggunaan Kaedah Ringkas.** Catatan bagi sesuatu rujukan untuk catatan bawah buat pertama kalinya hendaklah lebih lengkap daripada catatan bawah yang berikutnya bagi rujukan yang sama. Rujukan semula kepada maklumat yang sama yang dinyatakan dalam catatan bawah hendaklah diringkaskan.

Contoh :

<sup>1</sup>P.J. Wilson, *A Malay village in Malaysia: social values and rural development*, HRAF Press, New Haven, 2007, p. 30

<sup>2</sup>J. Beattie, *Other cultures*, Routledge & Kegan Paul, London, 2006, p. 47

<sup>3</sup>P.J. Wilson, *A Malay village in Malaysia*, p. 51

<sup>4</sup>J. Beattie, *Other cultures*, p. 78

<sup>5</sup>P.J. Wilson, *A Malay village*, p. 70

<sup>6</sup>J. Beattie, p. 62

Apabila meringkaskan rujukan makalah dalam jurnal hendaklah ditaip nama pengarang, judul ringkas makalah dan halaman yang dirujuk. Maklumat mengenai judul jurnal, nombor jilid dan tarikh perlu dimasukkan.

Jika sesebuah karya dirujuk berulang kali, maklumat yang ditaip ialah nama pengarang dan halaman yang dirujuk.

#### 4.3.5 Rujukan kepada Al-Quran

- a. Angka yang menunjukkan rujukan ayat Al-Quran hendaklah diletak pada akhir teks Al-Quran, bukan pada akhir terjemahannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada nombor surah dan nombor ayat.
- b. Penulis juga hendaklah menulis ayat Al-Quran dalam Othmaniah dan menjelaskan sumber terjemahannya.

Contoh:

Firman Allah s.w.t.:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup>Al-Quran, Al 'Imran 3:92.

Maksudnya:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaikan (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayang. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya<sup>4</sup>.

---

<sup>4</sup>Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran*, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

#### 4.3.6 Rujukan kepada al-Hadith

- a. Pada kebiasaannya, rujukan hadith dalam koleksi tertentu dibuat kepada bilangan atau nama kitab atau bab atau nombor hadith sesuatu hadith itu didapati.

Sabda Rasul Allah s.a.w.:

إنما الأعمال بالنيات , وإنما لكل امرئ ما نوى , فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله

فهجرته إلى الله ورسوله , ومن كانت هجرته إلى دنيا يصيبها , أو امرأة ينكحها فهجرته

إلى ما هاجر إليه<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup>al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab..., bab.... .

## BAB V

### SENARAI RUJUKAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Sistem pengarang-tarikh yang digunakan dalam teks, hendaklah diberikan sumber rujukan yang lengkap. Senarai ini diberi nama **Rujukan** dan ditaip dalam bahagian akhir tesis, sebelum bahagian Lampiran.

Penulisan Tesis Gaya UKM hanya menggunakan senarai rujukan dan bukan senarai bibliografi.

#### **Perhatian**

- a. Dalam senarai rujukan, maklumat daripada buku, jurnal, akhbar, temu bual dan sebagainya **tidak dikelaskan** atau **dikategorikan** kecuali dalam bidang sejarah (jika diperlukan).
- b. Penaipan senarai rujukan hendaklah dibuat selang satu baris.
- c. Senarai rujukan hendaklah ditaip mengikut **Sistem Pengarang-Tarikh Gaya UKM**.

#### 5.1.1 Bahasa bahan rujukan

Bahasa bahan rujukan (kecuali Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) yang berlainan daripada bahasa yang digunakan dalam tesis hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu seperti berikut:

Mohamed Yusoff Ismail. 1995. Wat sayam nai kelantan (Biara Siam di Kelantan). *Chulalongkorn Journal of Buddhist Studies* 2(1): 5-19.

Mohamed Yusoff Ismail. 2004. Islam-kokka mareisia ni-miru bukkyoto shamu-jin no aidentiti (Identiti masyarakat Siam Buddhis dalam sebuah negara Islam di Malaysia). Dlm. Tsuyoshi Kato (pnyt.). *Hen-yo-suru tonan-ajia shakai: minzoku, shuukyoku, bunka no dota* (Masyarakat Asia Tenggara: etnisiti, agama dan budaya dalam arus perubahan), hlm. 295-319. Tokyo: Mekong.

### 5.1.2 Transliterasi

- a. Judul karya dalam Bahasa Arab hendaklah ditransliterasikan.

(Contoh – LAMPIRAN S).

- b. Terdapat dua kaedah transliterasi huruf Arab-Rumi, iaitu kaedah sebutan dan kaedah aksara.

#### Transliterasi kaedah sebutan

*ash-Shams fi's-samā'*

#### Transliterasi kaedah aksara

*al-Shams fī al-samā'*

Calon hendaklah menggunakan sistem transliterasi menurut kaedah aksara (LAMPIRAN S).

### 5.1.3 Penulisan Nama Pengarang

Nama pengarang hendaklah ditaip dengan lengkap seperti yang tercetak pada halaman judul sesebuah karya atau pada halaman maklumat hak cipta yang mengandungi Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan / *Cataloguing-in-Publication-Data*, tanpa pangkat atau gelaran.



- a. Nama pengarang Barat atau pengarang yang menggunakan nama keluarga, hendaklah diringkaskan dahulu kepada **nama keluarga** sahaja; nama selainnya hendaklah menggunakan **parap** (*initials*).

Parap hendaklah ditaip selepas nama keluarga dan didahului dengan tanda koma.

Contoh:

Humphrey John Moule Bowen atau H.J.M. Bowen hendaklah ditaip sebagai Bowen, H.J.M.

John Fitzgerald Kennedy atau J.F. Kennedy hendaklah ditaip sebagai Kennedy, J.F.

K. Sarvananthan hendaklah ditaip Sarvananthan, K.

- b. **Nama pengarang Arab** hendaklah ditaip mengikut nama keluarga.

Contoh nama keluarga:

Sulayman ibn Ahmad al-Tabrani ditaip sebagai  
al-Tabrani, Sulayman ibn Ahmad  
dan disenaraikan di bawah abjad T.

Contoh nama yang dikenali:

Taqi-alDin Ahmad ibn Abd al-Halim ibn Taymiyyah ditaip sebagai,  
Ibn Taymiyyah Taqi-alDin Ibn Abd al-Halim  
dan disenaraikan di bawah I.

- c. **Nama pengarang Melayu**, yang ditaip dengan lengkap hendaklah dikekalkan. Nama yang menggunakan parap, hendaklah ditaip seperti contoh berikut. Dengan kata lain, parap mesti terletak selepas nama.

Zakri A.H. ditaip sebagai Zakri, A.H.

Bakar M.A.A. ditaip sebagai Bakar, M.A.A.

H.M. Dahlan ditaip sebagai Dahlan, H.M.

- d. **Nama pengarang Cina**, yang ditaip dengan lengkap hendaklah dikekalkan.

Ding Choo Ming ditaip sebagai Ding, Choo Ming

Nama pengarang Cina yang menggunakan parap, hendaklah ditaip seperti contoh berikut. Dengan kata lain, parap mesti terletak selepas nama.

H.S. Lee ditaip sebagai Lee, H.S.

Nama pengarang Cina dengan nama Kristian hendaklah ditaip dengan menggunakan parap seperti berikut :

Edward Lim Huck Tee ditaip sebagai Lim, E.H.T.

- e. **Nama pengarang India**, yang ditaip dengan lengkap hendaklah dikekalkan.

S. Bhaskaran ditaip sebagai Bhaskaran, S.

- f. **Nama pengarang Indonesia**, yang ditaip dengan lengkap hendaklah dikekalkan.

Winarti Partaningrat ditaip sebagai Partaningrat, W.

Nama pengarang Indonesia yang menggunakan parap, hendaklah ditaip seperti contoh berikut. Dengan kata lain, parap mesti terletak selepas nama.

R.F. Saragih ditaip sebagai Saragih, R.F.

- g. **Nama pengarang Pribumi Sabah/Sarawak**, yang ditaip dengan lengkap hendaklah dikekalkan.

James anak Bachat ditaip sebagai James Bachat

#### 5.1.4 Penulisan Judul Bahan Rujukan

- a. Judul bahan rujukan (buku, jurnal, prosiding dan laporan teknik) hendaklah ditaip condong menggunakan HURUF BESAR pada setiap huruf pertama perkataan. Untuk makalah/artikel hanya huruf perkataan pertama sahaja menggunakan huruf besar. Perkataan lainnya hendaklah menggunakan huruf kecil, kecuali singkatan dan nama khas yang menggunakan huruf besar. Penggunaan penulisan nama jurnal perlu diselaraskan pada keeluruhan tesis, sama ada menggunakan nama penuh atau nama singkatan. Sekiranya menggunakan nama singkatan, perlulah menggunakan singkatan yang dikenali mengikut tajuk.

Contoh:

##### **Judul Buku**

- ...2009. *Environmental management issues in Malaysia ...*
- ...2007. *Alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia*  
...
- ...2010. *Danum Valley conservation area: physical, biological and social environments...*

##### **Judul jurnal**

- ... 2006. *Quarterly Journal of the Royal Meteorological Society*  
97:369
- ... 2008. *Islamiyyat* 16: 5012-5636.
- ... 2010. *Corporate Environmental Strategy* 9 (4):409-407

... 2011. *Malaysian Journal of Environmental Management* 6:3-21

### **Makalah/Artikel**

... 2012. The making of another superlinear city in Malaysia....

... 2009. Potential of biomass electricity in four Asian countries...

... 2010. Development of noise modeling software for the evaluation and management of noise pollution in Malaysia

- b. Susunan judul karya Inggeris tanpa pengarang dalam senarai rujukan yang judulnya diawali dengan perkataan "A, An, The" hendaklah dibuat mengikut susunan abjad perkataan yang menyusulinya.

